

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7179

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status terkini Program 6P yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Adakah ia berjalan dengan progresif dan berkesan bagi membanteras masalah PATI di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Program 6P adalah merupakan inisiatif paling komprehensif yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah di dalam negara ini. Antara manfaat yang dicapai melalui program ini yang membantu pengurusan pekerja asing adalah seperti berikut:-

- (i) Pengumpulan data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara;**
- (ii) Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara;**
- (iii) Keupayaan untuk menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan;**
- (iv) Memperolehi maklumat serta butiran tentang keberadaan PATI mengikut pecahan warganegara, aktiviti ekonomi, umur, jantina dan sebagainya.**

- (v) Memenuhi segera keperluan pekerja asing sektor-sektor ekonomi melalui proses pemutihan PATI tanpa perlu membawa masuk pekerja asing baru;
- (vi) Pengutipan levi ke atas majikan yang menggaji PATI di mana sebelum ini Kerajaan tidak dapat mengutip bayaran levi ke atas majikan yang menggaji PATI sekali gus menjana hasil pendapatan negara; dan
- (vii) Saringan pemeriksaan kesihatan kepada PATI yang diputihkan melalui Program 6P.

Pada masa ini, Program 6P berada dalam fasa yang terakhir iaitu program penguatkuasaan. Kerajaan telah melancarkan Operasi 6P Bersepadu yang diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi fasa pertama pada 1 September 2013 hingga 8 Oktober 2013 dan fasa kedua pada 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia masih meneruskan program penguatkuasaan Operasi Secara Bersepadu selepas tarikh 11 Mac 2014 sehingga kini.